Mesej Lapan

Mengenali dan Mengalami Kristus Almuhit dalam Matius

Bacaan Bible: Mat. 2:1-2; 3:11; 4:12-16; 8:20; 16:16; 21:5

I. Kristus ialah Raja syurgawi—Mat. 2:1-2; 21:5:

A. Matius membuktikan bahawa Yesus Kristus ialah Raja, iaitu Mesias yang dinubuatkan dalam Wasiat Lama—1:1, 17; 2:1-2; 27:11, 37.

B. Raja syurgawi tidak datang dengan kesemarakan yang angkuh tetapi dengan kelembuthalusan yang ramah lembut dan rendah diri—21:5.

II. Tuan Yesus ialah Kristus itu, Anak kepada Tuhan hidup—16:16:

A. *Kristus itu* merujuk kepada Yang diurapi Tuhan dan berbicara tentang amanat Tuan untuk menyempurnakan tujuan abadi Tuhan menerusi penyaliban, kebangkitan, kenaikan ke syurga, dan kedatangan kedua-Nya—ay. 21, 27.

B. *Anak kepada Tuhan hidup* berbicara tentang persona-Nya, yang menyatakan Bapa secara jasadi dan berkonsumasi dalam Roh itu untuk ekspresi penuh Tuhan Tritunggal—Yoh. 14:10-11a; 1 Kor. 15:45b.

III. Kristus ialah Anak Manusia—Mat. 8:20; 11:19; 13:37; 16:13:

A. Kristus ialah manusia yang membawa dominion Tuhan ke bumi dan menjadikan nama Tuhan unggul di bumi—9:6; 12:8; 13:41; 16:27-28.

B. Untuk menubuhkan kingdom syurga-syurga, Tuan Yesus berdiri pada kedudukan seorang manusia yang menang—manusia yang dapat menewaskan Syaitan dan berupaya menahan segala kesukaran, penentangan, atau serangan—4:4; 12:40; 26:64.

IV. Kristus ialah Pembaptis—3:11:

A. Pembaptisan Tuan dalam Roh Kudus, yang berdasarkan penebusan-Nya, telah memulakan kingdom syurga-syurga, membawa para percayawan-Nya ke dalam kingdom syurga-syurga—ay. 12a.

B. Pembaptisan Tuan dalam api yang berdasarkan penghakiman-Nya akan mengakhiri kingdom syurga-syurga, mencampakkan orang yang tidak percaya ke dalam tasik api—ay. 12b.

V. Kristus ialah cahaya hayat yang bersinar dalam kegelapan maut—4:12-16:

A. Ministri Kristus untuk kingdom syurga-syurga bermula bukan dengan kudrat bumiah tetapi dengan cahaya syurgawi.

B. Tuan Yesus tidak memulakan satu gerakan atau revolusi; sebaliknya, Dia menawan disipal-disipal kepada diri-Nya sebagai cahaya besar untuk menubuhkan kingdom syurga-syurga.

VI. Semasa memanggil orang mengikut-Nya demi kingdom, Kristus meminister sebagai Tabib dan mewahikan diri-Nya sebagai Pengantin Lelaki—9:9-15:

A. Dia datang sebagai Tabib untuk menyembuhkan dan menghidupkan kita supaya kita dapat dikonstitusikan semula untuk menjadi warganegara kingdom syurga-syurga—ay. 9-13.

B. Kita perlu menghargai Dia sebagai Pengantin Lelaki supaya kita dapat menikmati kehidupan yang dijalani dalam hadirat-Nya—ay. 14-15.

VII. Kristus ialah kain yang belum susut untuk dijadikan baju baru—ay. 16; Luk. 5:36:

A. Dari inkarnasi-Nya hingga penyaliban-Nya, Dia ialah kain yang belum susut untuk dijadikan baju baru.

B. Menerusi kematian dan kebangkitan-Nya, Kristus dijadikan baju baru untuk menutupi kita sebagai keadilbenaran kita di hadapan Tuhan supaya kita dapat dijustifikasikan Tuhan dan diperkenan-Nya—15:22; Gal. 3:27; 1 Kor. 1:30.

Mesej Lapan (sambungan)

VIII. Kristus individu ialah wain baru, dan Kristus korporat ialah kirbat baru—Mat. 9:17:

A. Wain baru menandakan Kristus individu sebagai hayat baru, penuh bertenaga dan kekuatan untuk menceriakan orang, merangsang kita sehingga berseronok dan memuaskan kita.

B. Kirbat baru menandakan Kristus korporat, iaitu bekas luaran yang menampung wain baru—1 Kor. 12:12.

IX. Kristus ialah Gembala dan Tuan tuaian—Mat. 9:35-38:

A. Dalam ministri-Nya untuk menubuhkan kingdom syurgawi-Nya, Tuan Yesus meminister sebagai Gembala—ay. 35-36.

B. Sekiranya kita melihat visi tentang Kristus sebagai Tuan tuaian, kita akan memohon kepada-Nya agar Dia mendesak pekerja-pekerja keluar menuai tuaian-Nya—ay. 37-38.

X. Kristus ialah Sahabat kepada pendosa dan kearifan Tuhan—11:19:

A. Sebagai Sahabat kepada pendosa, Kristus bersimpati dengan masalah mereka dan merasakan dukacita mereka—ay. 19a.

B. Apa jua yang dilakukan Kristus dilakukan-Nya dengan kearifan Tuhan, iaitu Kristus sendiri; kearifan ini dibela melalui kerja-kerja-Nya yang arif—ay. 19b; 1 Kor. 1:24, 30.

XI. Kristus ialah Dia yang memberi rehat—Mat. 11:28-30:

A. Memikul kuk Tuan ialah mengambil kehendak Bapa dan didesak oleh kehendak Bapa—ay. 29; Yoh. 4:34; 5:30; 6:38.

B. Oleh sebab Tuan sentiasa puas dengan kehendak Bapa, Dia sentiasa mempunyai rehat dalam hati-Nya; sekarang Dia meminta kita belajar daripada-Nya—Mat. 11:28-30.

XII. Kristus ialah Yunus yang lebih agung—12:39-41; 16:4:

A. Yunus ialah tamsil bagi Kristus dalam kematian, penguburan, dan kebangkitan-Nya—12:39-41.

B. Bagi generasi yang jahat dan berzina ini, iaitu generasi orang Yahudi dan agamawi, Tuan Yesus tidak akan berbuat apa-apa melainkan mati dan dibangkitkan sebagai tanda yang terbesar kepada mereka, agar mereka dapat diselamatkan jika mereka percaya—16:4.

XIII. Kristus ialah roti dan remah di bawah meja—15:21-38:

A. Ekonomi Tuhan bukan perkara berkenaan hal-hal luaran tetapi berkenaan Kristus masuk ke dalam kita sebagai makanan—ay. 26, 34, 36.

B. Kita perlu menerima Kristus yang boleh dimakan dengan memakan Dia sebagai roti, bahkan sebagai remah di bawah meja—ay. 27.

XIV. Kristus dalam keinsanan-Nya ialah Dia yang bangkit yang mempunyai segala kuasa di syurga dan di bumi—28:18-19:

A. Dalam keinsanan-Nya, sebagai Anak Manusia dan Raja syurgawi, segala kuasa telah diberikan kepada Kristus selepas kebangkitan-Nya—ay. 18.

B. Oleh sebab Injil Matius adalah berkenaan kingdom, dan kingdom memerlukan kuasa, maka dalam Matius, kebangkitan Kristus ialah perkara berkenaan kuasa untuk mendisipalkan bangsa-bangsa—ay. 19.

XV. Injil Matius penuh dengan kekayaan Kristus; kita perlu menyembah Dia, menikmati Dia, dan mengalami Dia sebagai Yang ajaib dan almuhit itu—2:11; 28:9, 17; 17:5.

© 2026 Living Stream Ministry